



NOTIS

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



Pengenaaan GST Pada Kadar 0% Mulai 1 Jun 2018 (Tanda Harga)

1. Dimaklumkan bahawa mulai 1 Jun 2018, Kerajaan telah meminda kadar GST daripada 6% kepada kadar 0%. Semua peniaga yang berdaftar GST adalah dikehendaki untuk mematuhi pengenaan kadar baru GST berkenaan.
2. Tanda harga yang dipamerkan hendaklah dikemaskini dengan tidak mengenakan GST kepada pembeli iaitu GST berkadar 0%. Orang berdaftar GST hendaklah mempamerkan suatu notis dengan jelas di tempat yang mudah dilihat di premis mereka bahawa tanda harga yang dahulunya termasuk GST pada kadar 6% telah bertukar kepada kadar GST 0%.
3. Mana-mana tanda harga yang termasuk GST yang **masih belum** dikemaskini hendaklah dikemaskini sebelum **1 Julai 2018**. Orang berdaftar GST hendaklah menolak amaun GST berkenaan dengan kaedah pecahan ($\text{GST} = \text{Amaun pada tanda harga} \times 6/106$). Sekiranya invois cukai telah dikeluarkan dengan amaun yang termasuk GST, pelarasan hendaklah dibuat seperti berikut:
 - i. pelarasan dibuat dengan mengeluarkan nota kredit; atau
 - ii. pindaan secara manual ke atas invois cukai adalah dibenarkan dan GST berkenaan hendaklah dikembalikan kepada pembeli.
4. Tanda harga yang telah mendapat kelulusan Ketua Pengarah bagi mengenakan GST secara eksklusif tidak perlu ditukar dan GST tidak boleh dikenakan kepada pembeli.
5. Orang berdaftar GST hendaklah mengeluarkan invois cukai ke atas pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai dan tidak boleh mengutip GST kerana GST adalah berkadar 0%.
6. Orang berdaftar GST wajib menghantar penyata GST-03 mengikut tempoh bercukai yang ditetapkan sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.
7. Orang berdaftar GST boleh merujuk kepada soalan lazim berkaitan tempoh peralihan (transitional) 6% kepada kadar sifar (0%) yang telah dimuatnaik di laman web www.customs.gov.my dan portal www.gst.customs.gov.my.

Sekian Terima kasih.

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA